

## " BERDAKWAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA "

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyak zikir kepada Allah SWT dan memperbanyak selawat serta salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala suruhannya dan melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Berdakwah di jalan Allah SWT adalah merupakan suatu kewajipan dan amal ibadah yang paling baik jika dibandingkan dengan amal-amal ibadah yang lain. Ini memandangkan tugas berdakwah adalah satusatunya tugas utama yang dilaksanakan oleh para rasul yang telah diutuskan oleh Allah SWT kepada umat manusia.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 67:

*"Wahai Rasul! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu; Jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bererti engkau tidaklah menyampaikan risalah-Nya; Allah jualah akan memeliharamu daripada (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir".*

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa Allah SWT melarang Rasulullah daripada menyembunyikan apa juga ilmu dan syariat yang telah diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya. Bahkan menjadi tanggungjawab kepadanya untuk menyampaikan Islam dan mengajak manusia mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT. Ternyata tugas dakwah ini tidaklah terhenti setakat kewafatan baginda rasulllah s.a.w, sebaliknya ia menjadi tanggungjawab kita pula sebagai umatnya untuk meneruskan tugas dakwah ini agar manusia tidak tersesat daripada landasan Allah SWT.

Tanggungjawab berdakwah bukan hanya terletak di bahu para pendakwah atau para alim ulama' sahaja, bahkan ianya menjadi tanggungjawab setiap muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan juga hari akhirat. Setiap individu muslim mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam medan dakwah samada mereka sebagai petani, pegawai, artis, pemimpin masyarakat apatah lagi sebagai pemimpin negara. Pendek kata, apa juga jawatan atau kedudukan mereka, tugas dakwah ini sama sekali tidak boleh ditinggalkan.

Hadis daripada Amru Ibn al-Ash r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

*"Sampaikanlah apa-apa daripada ku walaupun satu ayat".*  
(*Riwayat al-Bukhari*)

Berbagai-bagai cara boleh digunakan untuk kita menunaikan tanggungjawab berdakwah, bersesuaian dengan peredaran zaman yang semakin mencabar pada hari ini. Dakwah masa kini tidak lagi sekadar ceramah atau kuliah-kuliah di masjid sahaja, bahkan ianya melangkaui dunia tanpa sempadan dengan penggunaan alat-alat elektronik seperti televisyen, internet, media cetak dan sebagainya. Kemudahankemudahan seperti ini boleh digunakan sebagai perantaraan untuk menyampaikan mesej dakwah. Golongan penggiat seni misalnya, boleh menyampaikan mesej dakwah mereka melalui saluran televisyen. Mereka boleh menerbitkan cerita yang mempunyai unsur-unsur dakwah dan nasihat-nasihat yang baik untuk disajikan kepada para penonton. Mereka

juga boleh menerbitkan rancangan-rancangan hiburan yang dapat mendidik jiwa anak-anak muda selanjutnya mendekati diri mereka kepada Allah SWT.

Manakala mereka yang tidak mempunyai kemampuan ini samada golongan pekerja, pemimpin-pemimpin masyarakat dan lain-lain boleh menggunakan perantaraan internet, media cetak dan sebagainya untuk menyampaikan mesej dakwah mereka. Apa yang penting, cara yang digunakan mestilah sesuai dengan golongan sasaran dakwah agar apa yang disampaikan akan menjadi lebih berkesan.

Apa yang dikesalkan, kemudahan-kemudahan yang baik ini telah disalahgunakan oleh sesetengah pihak untuk perkara-perkara yang tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada dakwah Islam melalui media penyiaran yang telah disalahgunakan untuk menyiarkan cerita-cerita khurafat dan tahyul serta cerita-cerita yang merosakkan moral anak-anak remaja. Media cetak dan internet pula telah disalahgunakan untuk menyebarkan berita-berita fitnah, caci-mencaci, maki-hamun dan sebagainya sehingga menjatuhkan maruah orang-orang yang tidak bersalah. Penyalahgunaan seperti ini mestilah diperbetulkan agar masyarakat umum dapat mengambil manfaat yang baik hasil daripada kemajuan teknologi yang ada ini.

Selain daripada penggunaan media elektronik, terdapat juga caracara lain yang boleh digunakan dan mampu mempengaruhi keberkesanan dakwah masa kini. Antaranya ialah dengan menunjukkan contoh teladan dan akhlak yang baik kepada orang lain. Sesungguhnya, budipekerti dan akhlak yang baik adalah merupakan aset penting bagi setiap individu muslim yang dapat dipertaruhkan untuk menarik orang lain menghayati ajaran Islam yang sebenarnya. Rasulullah s.a.w sendiri telah pun membuktikan kepada kita semua, bahawa dengan akhlak yang baik, baginda telah dapat melembutkan hati bangsa Arab untuk menganut ajaran Islam yang disebarkan ketika itu. Kebaikan akhlak Rasulullah s.a.w ini telah diperjelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 21:

*"Sesungguhnya, bagi kamu pada diri Rasulullah itu model ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah".*

Lantaran itu, untuk membentuk akhlak yang baik pula mestilah dengan usaha dan latihan yang bersungguh-sungguh. Ini kerana akhlak yang baik tidak akan meresap ke dalam jiwa manusia melainkan bagi orang yang telah membiasakan diri mereka dengan perbuatan-perbuatan yang baik.

Perkara yang penting juga dalam kita melaksanakan tanggungjawab dakwah ini, mestilah dilakukan dengan penuh berhikmah. Ini kerana apa sahaja perbuatan yang kita lakukan dalam keadaan berhikmah akan mendatangkan banyak kebaikan kepada diri kita dan juga orang lain. Contohnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan beberapa program untuk berdakwah seperti karnival mesra masjid dan karnival sukan. Firman Allah SWT dalam surah Ali-'Imran ayat 159 :

*"Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabatmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka akan menjauhkan diri daripada engkau".*

Menggunakan hikmah dan kebijaksanaan dalam melaksanakan tugas dakwah adalah amat dituntut oleh Allah SWT sebagaimana yang dapat difahami melalui ayat di atas. Antara hikmah terbaik yang mampu memberikan kesan dalam tugas dakwah ialah dengan menggunakan perkataan-perkataan yang baik serta mampu menyerap kedalam jiwa orang yang mendengarnya. Kerana itulah nabi Musa A.S. telah memohon kepada Allah SWT agar dianugerahkan kepadanya lisan yang baik dengan harapan supaya dakwahnya dapat diterima oleh Firaun dan pengikut-pengikutnya. Doa baginda ini telahpun dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran melalui firman-Nya dalam surah Toha ayat 25-28: *"Nabi Musa berdoa: "Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku dadaku, dan mudahkanlah bagiku tugasku, dan lepaskanlah kekakuan dari lidahku, supaya mereka faham perkataanku".*

Berdakwah dengan menggunakan perkataan yang baik ini sememangnya dapat dilakukan oleh kebanyakan masyarakat Melayu Islam yang ada di tanahair kita. Ini kerana masyarakat Melayu Islam kita sememangnya telah terkenal dengan budi bahasa dan kesopanan yang amat tinggi. Justeru, amatlah malang jika budaya yang telah lama tersemat di dalam jiwa masyarakat Melayu Islam kita ini tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk melaksanakan tanggungjawab berdakwah di jalan Allah SWT.

Sesungguhnya tanggungjawab berdakwah adalah merupakan salah satu kewajipan yang termasuk di dalam jihad fi sabilillah. Oleh kerana itu, perbuatan meninggalkan tanggungjawab ini pasti akan mengundang kemurkaan Allah SWT sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya dalam surah At-Taubah ayat 24:

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suamisuami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)".*

Justeru, sebagai individu muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT, marilah kita bersama-sama menggunakan segala ruang dan peluang yang ada untuk melaksanakan tugas dakwah yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada kita semua. Mudah-mudahan usaha dakwah yang kita lakukan ini akan mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am: 51 yang bermaksud:

*"Dan berilah amaran dengan Al-Quran itu kepada orang yang merasa takut bahawa mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (pada hari kiamat), (padahal) tiadalah bagi mereka seorang pelindung dan tidak juga pemberi syafaat selain daripada Allah agar mereka bertaqwa".*

*(Al-An'am: 51)*